

## METODE PENGURUSAN PENCEGAHAN AMALAN KHURAFAT SATU KAJIAN DI PULAU BESAR MELAKA

Rahmat Bin Abdullah  
Kolej Komuniti Kuala Langat  
Email: [rahmatabdullah.eme@gmail.com](mailto:rahmatabdullah.eme@gmail.com)

### ABSTRAK

Manusia yang beriman akan mengikut petunjuk agama yang sahih bagi mengelakkan sebarang kekeliruan di dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Kefleksibelan Islam menjadikan penganutnya senantiasa berjaya mengamalkan cara hidup Islam di mana-mana sahaja pada bila-bila masa sejak dahulu lagi. Islam menyediakan pelbagai solusi bagi menyelesaikan setiap permasalahan dalam ruang lingkup neraca syarak dan akidah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan khurafat yang dilakukan di Pulau Besar Melaka serta metode pengurusan pencegahan amalan khurafat yang dijalankan di Pulau Besar Melaka. Terdapat 13 tempat yang dianggap aneh dan mistik menjadi tumpuan pelancang di Pulau Besar untuk dilawati dan pada masa yang sama didapati segelintir masyarakat Melayu menjadikan tempat mistik tersebut mempunyai kekeramatannya yang tersendiri. Fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2014 berkaitan akidah mengenai "Amalan Dan Kepercayaan Khurafat Di Pulau Besar Melaka" melarang sebarang aktiviti yang bertentangan dengan akidah Islam dilakukan di Pulau Besar. Data dianalisis secara peratusan menggunakan perisian Microsoft Excel terhadap 70 orang responden yang terdiri daripada lelaki dan wanita. Peratusan tertinggi iaitu 60% melakukan amalan meminta hajat di kubur lama, 20% mandi di laut untuk buang sial, 10% meminum air di perigi nenek kebayan untuk mendapatkan zuriat dan 10% terakhir membayar niat, nazar dan membuang ancak. Amalan khurafat perlulah dicegah sepenuhnya kerana perbuatan tersebut jelas mensyirikkan Allah S.W.T dari kaca mata akidah dan syarak.

**Kata Kunci:** metode, pengurusan pencegahan, amalan khurafat, Pulau Besar, Melaka

### 1. Pengenalan

Minda manusia berkembang seiring dengan perkembangan zaman. Sejak daripada dahulu lagi, manusia akan berusaha untuk menambah baik kehidupan. Namun malangnya setiap aktiviti khurafat akan mendapat tempat dan mencelah masuk di dalam kehidupan masyarakat Melayu khususnya. Apa yang termaktub di dalam agama cuba untuk disuaikan dengan amalan khurafat. Seolah-olah ianya dianggap sebagai satu jalan yang diterima di dalam agama Islam. Ini menjadikan minda tertinggal jauh kebelakang. Walaupun telah ditinggal zaman, warisan amalan khurafat ini masih segar di dalam ingatan. Ianya turut berinovasi dengan keadaan semasa.

Pada masa dahulu, amalan khurafat ini dilakukan secara terang-terangan dan tidak dianggap salah oleh orang sekeliling yang melihatnya. Bahkan dianggap satu "ikhtiar" di dalam menyelesaikan sebarang permasalahan. Namun kini, terdapat pelbagai garis panduan dan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka untuk menyekat sebarang bentuk aktiviti khurafat terutamanya di Pulau Besar Melaka. Pengkaji terkejut kerana masih lagi melihat terdapat pelbagai aktiviti khurafat dilakukan di Pulau Besar Melaka dalam bentuk sembunyi, walaupun terdapat arahan dalam bentuk papan tanda menyatakan hukumnya haram dan menyesatkan. Dari satu sudut, orang awam mengetahui bahawa terdapat aktiviti khurafat dilakukan di Pulau Besar Melaka. Namun penerimaan masyarakat terhadap khurafat di Pulau Besar itu berbeza. Ini yang menjadikan orang awam tidak dapat menerima amalan meminta hajat di kubur lama, mandi untuk buang sial (dalam bulan Safar), minum air perigi nenek kebayan dan membayar niat sebagai satu amalan yang dianggap khurafat.

Justeru itu, pelaksanaan undang-undang dan penguatkuasaan perlulah dilaksanakan dengan tegas supaya aktiviti khurafat di Pulau Besar ini terhindar sepenuhnya. Ianya bukanlah hanya sekadar

kempen memerangi amalan khurafat sahaja. Bahkan lebih jauh dari itu, perlulah mewar-warkan pada masyarakat akan keburukan amalan khurafat dan pelaksanaan hukuman dalam bentuk denda dan penjara serta dimasukkan ke pusat pemulihan akidah perlulah ditayangkan dalam masyarakat agar amalan khurafat di Pulau Besar Melaka ini dihentikan selamanya.

Khurafat membawa maksud kepercayaan karut, dongeng dan tahuyl dari segi bahasa (Dewan B., 2005). Khurafat dari segi istilah syarak ialah semua bentuk cerita rekaan atau khayalan, dan setiap ajaran yang termasuk padanya adat istiadat, pantang larang, ramalan, pemujaan dan kepercayaan yang bersalahan dengan agama Islam (Saleh, 2012). Di dalam bahasa Inggeris, khurafat membawa makna seerti dengan panggilan “*Superstition*” (Hornby & Omar, 2007).

Menurut (Rahman, 2014) di dalam artikelnya yang bertajuk (Kedudukan Amalan Khurafat Di Pulau Besar, Melaka Menurut Syarak) telah membincangkan dengan Panjang lebar berkaitan amalan khurafat yang menjadi tumpuan di Pulau Besar Melaka. Artikel ini juga menyenaraikan beberapa tempat yang dianggap keramat oleh sebahagian pengunjung yang datang. Kajian kualitatif ini membongkar beberapa tempat keramat dengan kepelbagaiannya daripada pengunjung yang datang. Penulis menerangkan bahawa amalan khurafat merosakkan akidah.

Begini juga dengan artikel (Masruri, Mustapha & Khalim, 2023) yang bertajuk (The Potential of The Big Island of Melaka and the Tomb of Sultan al-Arifin Sheikh Ismail as a Visitor-Friendly Religious Tourism Destination) menerangkan bahawa tempat-tempat bersejarah di Pulau Besar menarik perhatian pelancong untuk datang ke Pulau Besar Melaka. Kajian kualitatif ini menerangkan bahawa masih terdapat sebahagian pelancong yang hadir ke Pulau Besar Melaka melakukan amalan khurafat terutamanya di Kubur Sultan Ariffin. Pihak berkuasa tempatan perlulah memainkan peranan penting di dalam melenyapkan aktiviti khurafat di Pulau Besar Melaka. Penulis juga berpendapat bahawa amalan khurafat adalah syirik di dalam Islam.

Hasil muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah membincangkan mengenai Kedudukan Amalan Khurafat di Pulau Besar Melaka telah memutuskan bahawa amalan dan perbuatan yang dilakukan di Pulau Besar Melaka adalah merupakan perkara bidaah dan khurafat yang amat ditegah oleh syarak dan perlu dihentikan segera kerana ianya boleh membawa kepada syirik. Fatwa ini telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Melaka pada tarikh 26 Februari 2015.

Buku yang bertajuk (Khurafat Alam Melayu) telah ditulis oleh (Akhyar, 2010) memuatkan pelbagai bentuk amalan khurafat yang telah dilakukan oleh masyarakat Melayu. Penulis juga menyatakan bahawa pengaruh khurafat ini datangnya daripada fahaman Animisme-Dinamisme dan Hinduisme-Buddhisme di Tanah Melayu lebih awal sebelum kedatangan Islam. Pelbagai kepercayaan khurafat masuk ke dalam aktiviti masyarakat Melayu dan diambil sebagai panduan untuk menyelesaikan sebarang bentuk masalah dan dianggap ikhtiar oleh sebahagian masyarakat Melayu. Hukum beramal dengan amalan khurafat adalah haram dan berdosa besar serta merosakkan akidah. Buku yang bertajuk (Khurafat, Tahuyl & Mistik di alam Melayu) ditulis oleh (Zabidi, 2020) turut memuatkan pandangan yang sama berkaitan amalan khurafat masyarakat Melayu.

Menurut artikel yang telah ditulis oleh (Salleh, Manaf & Kamaruzaman 2021) yang bertajuk (Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia) telah menerangkan bahawa unsur khurafat adalah bertentangan dengan kepercayaan dan amalan yang diparkitikan di dalam Islam.

Tindakan undang-undang perlu diambil ke atas individu yang melakukan amalan khurafat adalah satu daripada cadangan penulis untuk membendung gejala khurafat daripada berleluasa.

### **1.1 Objektif Kajian**

- i. Mengenal pasti amalan khurafat yang dilakukan di Pulau Besar Melaka.
- ii. Mencadangkan metode pengurusan pencegahan amalan khurafat yang dijalankan di Pulau Besar Melaka.

### **2. Metodologi kajian (Bernombor, Bold, Times New Roman, 12)**

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji adalah berbentuk kuantitatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan memberikan soalan berbentuk pilihan sama ada pernah melakukan atau tidak pernah melakukan perkara khurafat di Pulau Besar Melaka. Pengkaji akan menggunakan data peratusan untuk menjawab soalan berkaitan senarai amalan-amalan khurafat yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu di Pulau Besar Melaka. Ini kerana huraian peratusan lebih tepat untuk membuktikan berapa ramai bilangan yang masih melakukan amalan khurafat yang terdapat di dalam senarai pengkaji. Seramai 70 orang responden terlibat di dalam kajian ini dalam kalangan lelaki dan wanita yang pernah berkunjung di Pulau Besar Melaka dengan pelbagai latar belakang umur dan taraf pendidikan. Pengkaji menggunakan sampel populasi berdasarkan kaedah persampelan Krejcie and Morgan (1970) yang menunjukkan 95 peratus ketepatan bagi jumlah responden sebanyak 59 orang sahaja. Justeru itu, pengkaji mendatangi responden yang berada di Pulau Besar Melaka dan menyerahkan borang soal selidik. Pengkaji memohon jasa baik responden untuk menjawab dengan jujur dan ikhlas atas setiap pertanyaan yang diajukan.

### **3. Dapatan Kajian**

**Jadual 1. Distribusi umum responden berdasarkan kriteria**

<b>Kriteria responden</b>	<b>N</b>	<b>Peratusan (%)</b>
<b>Umur</b>		
20 – 29 tahun	10	14.3
30 – 39 tahun	15	21.4
40 – 49 tahun	20	28.6
50 – 59 tahun	12	17.1
60 tahun ke atas	13	18.6
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>
<b>Pendidikan</b>		
Sekolah rendah	25	35.7
Sekolah menengah	6	8.6
SPM	30	42.8
Diploma	9	12.9
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>100</b>

**Jantina**

Lelaki	45	64.3
Perempuan	25	35.7
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Berdasarkan daripada jadual 1. di atas, menunjukkan bahawa sebahagian besar responden iaitu (28.6%) mewakili 20 orang responden adalah terdiri daripada umur 40 sehingga 49 tahun. Manakala warga emas seramai 13 orang mewakili 18.6%. Jumlah responden yang terendah adalah daripada usia 20 sehingga 29 tahun yang terdiri daripada 10 orang dengan peratusan sebanyak 14.3%.

Taraf pendidikan tertinggi yang teramai dikalangan responden adalah daripada golongan yang mendapat pendidikan hanya sekadar SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) iaitu seramai 30 orang mewakili 42.8%. Manakala tahap pendidikan kedua teramai adalah dalam kalangan responden yang berjaya menamatkan pelajaran sekadar di peringkat sekolah rendah iaitu seramai 25 orang mewakili 35.7%. Responden yang mempunyai taraf pendidikan paling tinggi adalah daripada kalangan pemegang diploma (pelbagai bidang) seramai 9 orang mewakili 12.9% dan selebihnya seramai 6 orang mewakili 8.6% hanya mendapat pendidikan sehingga sekolah menengah sahaja.

Jantina responden adalah seramai 45 orang dalam kalangan lelaki mewakili 64.3% manakala selebihnya iaitu seramai 25 orang adalah dalam kalangan wanita mewakili 35.7%. Jumlah responden lelaki lebih ramai daripada jumlah responden wanita. Kesimpulan ringkas yang boleh dibuat oleh pengkaji pada masa ini ialah, lelaki lebih ramai datang ke Pulau Besar berbanding wanita.

### 3.1 Amalan khurafat yang pertama

**Jadual 2.**  
**Distribusi amalan meminta hajat di kubur lama dalam kalangan responden**

Meminta hajat di kubur lama	N	Peratusan (%)
Pernah melakukan	42	60
Tidak pernah melakukan	28	40
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada jadual 2. di atas, hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 42 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 60% dalam kalangan responden pernah melakukan amalan meminta hajat di kubur lama yang terdiri daripada kubur Sultan Arifin, kubur Syeikh Yusuf, kubur Syarifah Rodziah, kubur tujuh beradik, kubur Tok Janggut dan kubur Nenek Kebayan dengan pelbagai permintaan hajat agar dikabulkan. Manakala selebihnya iaitu seramai 28 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 40% dalam kalangan responden tidak pernah melakukan amalan meminta hajat di kubur lama.

Walaupun terdapat amalan tawassul di dalam Islam, namun ianya perlu diperhalusi dengan neraca syarak agar tidak tergelincir akidah. Tidak terdapat percanggahan dalam kalangan ulama untuk bertawassul dengan orang yang masih hidup. Umpamanya meminta orang yang paling taat melakukan perintah Allah mendoakan hajat seseorang supaya dikabulkan oleh Allah S.W.T. Namun terdapat perselisihan dalam kalangan ulama tentang amalan bertawassul dengan orang yang telah

mati. Menjadi lebih parah sekiranya hajat yang diminta itu dikabulkan, nescaya akidah akan gugur dan berpaut pada kubur semata-mata kerana meyakini bahawa dengan hanya melakukan amalan tersebut akan mendapat segala yang dihajati.

## **Perbincangan**

Firman Allah S.W.T:

وَإِذَا سَأَلَكُ عَبْدِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ مَّا أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَنِي فَلَيْسَتْ جِبُوا لِي وَلَيُؤْمِنُوا بِي لَعَلَّهُمْ يَرْشَدُونَ

Maksudnya;

*“Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu (Muhammad) tentang Aku, maka sesungguhnya Aku berada dekat dengan mereka. Aku kabulkan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Hendaklah mereka memenuhi (perintah)-Ku dan beriman kepada-Ku agar mereka memperoleh kebenaran”*

(Surah al-Baqarah, 2:186)

Berdasarkan kepada dalil di atas jelas menunjukkan bahawa Allah S.W.T maha mendengar akan keluhan, hajat dan doa hambaNya. Justeru itu, harapan yang selayaknya disandarkan oleh seorang hamba adalah kepada penciptanya seperti apa yang telah diminta oleh penciptanya lakukan. Oleh itu, permintaan seseorang hamba dalam bentuk doa akan dikabulkan oleh Allah S.W.T seperti firmanNya di dalam surah Al-Ghafir ayat 60 yang membawa maksud “Dan Tuhanmu berfirman Berdoalah kepada-Ku, nescaya akan Aku perkenankan bagimu”.

Maka dengan dua dalil di atas jelas menunjukkan bahawa suruhan Allah S.W.T kepada hambaNya adalah dengan berdoa kepadaNya. Cepat atau lambat hajat akan dikabulkan itu adalah tertakluk kepada ketentuan Allah S.W.T. Namun mensyirikkan Allah dengan benda atau sesuatu dengan harapan mempercepatkan hajat dikabul itu adalah haram dan pelakunya perlu bertaubat sebelum mati kerana menjatuhkan akidah ke lembah kesesatan.

### **3.2 Amalan khurafat yang kedua**

**Jadual 3.**

**Distribusi amalan mandi di dalam laut untuk buang sial dalam kalangan responden**

Mandi di dalam laut untuk buang sial	N	Peratusan (%)
Pernah melakukan	14	20
Tidak pernah melakukan	56	80
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada jadual 3. di atas, hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 14 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 20% dalam kalangan responden pernah melakukan amalan mandi di laut untuk buang sial (terutamanya di dalam bulan Safar). Manakala selebihnya iaitu seramai 56 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 80% dalam kalangan responden tidak pernah melakukan amalan mandi di dalam laut untuk buang sial. Menurut kepercayaan sebahagian besar responden

bahawa ini adalah adat dan petua orang terdahulu. Mandi laut dalam bulan Safar dapat membuang sial atau nasib buruk serta malang yang akan menimpa pada diri.

## **Perbincangan**

Firman Allah S.W.T:

قَالُوا اطْئِرْنَا بِكَ وَبِمَنْ مَعَكَ قَالَ طَائِرُكُمْ عِنْدَ اللَّهِ بِلَّا أَنْثُمْ قَوْمٌ تُفْتَنُونَ

Maksudnya;

“Mereka menjawab, “Kami mendapat nasib yang malang disebabkan oleh kamu dan orang-orang yang bersamamu. “Dia (Saleh) berkata, “Nasibmu ada pada Allah (bukan kami yang menjadi sebab), tetapi kamu adalah kaum yang sedang diuji.”

(Surah an-Naml, 27:47)

Berdasarkan kepada Ayat Al-Quran di atas, pengkaji memahami bahawa Allah S.W.T tidak meletakkan keburukan kepada hambaNya. Allah S.W.T tidak bersifat dengan kezaliman. Justeru itu, setiap manusia diberi peluang oleh Allah S.W.T untuk mencorakkan nasib diri berdasarkan kepada petunjuk serta qada' dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Usaha akan menjadikan seseorang hamba itu merubah nasib dalam diri mereka. Ini bertepatan dengan maksud daripada firman Allah di dalam surah Al-Ra'd pada ayat yang ke sebelas dengan maksud “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan suatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri”.

Amalan mandi Safar ini adalah amalan daripada penganut agama Hindu (Akhyar, 2010). Justeru itu, umat Islam dilarang meniru perbuatan agama lain kerana terdapat hadis yang menegah meniru amalan agama lain. Oleh kerana itu, perbuatan mandi laut dengan niat untuk membuang sial adalah haram dan perlakuan tersebut termasuk di dalam kategori dosa besar.

### **3.3 Amalan khurafat yang ketiga**

**Jadual 4.**

**Distribusi amalan mandi di perigi nenek kebayan untuk mendapatkan zuriat dalam kalangan responden**

Mandi di perigi nenek kebayan untuk mendapatkan zuriat	N	Peratusan (%)
Pernah melakukan	7	10
Tidak pernah melakukan	63	90
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada jadual 4. di atas, hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 7 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 10% dalam kalangan responden pernah melakukan amalan mandi di perigi nenek kebayan dengan tujuan untuk mendapatkan zuriat. Manakala selebihnya iaitu seramai 63 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 90% dalam kalangan responden tidak pernah melakukan amalan mandi di perigi nenek kebayan.

Kisah nenek kebayan ini memang amat popular dalam kalangan masyarakat Melayu. Anak-anak kecil akan merasa takut dengan sosok antagonis (dipercayai suka makan budak kecil) ini. Namun lain kisahnya untuk orang dewasa. Nenek kebayan dianggap protagonis (membantu orang yang berada di dalam kesusahan) kerana membantu semua orang yang berada disekelilingnya. Justeru itu, sebahagian masyarakat Melayu mempercayai bahawa nenek kebayan boleh membantu untuk mendapatkan zuriat.

### **Perbincangan**

Zuriat atau janin di dalam kandungan ini adalah perkara ghaib. Tidak ada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Allah S.W.T. Ada pasangan yang diberikan zuriat di dunia dan ada juga pasangan yang tidak diberikan zuriat. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

*“Katakanlah (Muhammad), “Tidak ada sesuatu pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah. Dan mereka tidak megetahui bila mereka akan dibangkitkan”*

(Surah al-Naml, 27:65)

Kenyataan ini juga disokong dengan Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang mafhumnya ialah;

*“Kunci kepada perkara ghaib itu ada 5, tiada siapa yang dapat mengetahuinya kecuali Allah : tiada siapa yang mengetahui apa yang di kandungan (seorang ibu) di dalam rahimnya kecuali Allah dan tiada siapa yang mengetahui apa yang akan berlaku pada hari esok kecuali Allah dan tiada siapa yang akan mengetahui bila hujan akan turun kecuali Allah, tiada siapa yang mengetahui di bumi mana dia akan mati dan dikebumikan kecuali Allah dan tiada siapa yang mengetahui bila berlakunya hari kiamat kecuali Allah.”*

(Hadis Riwayat Bukhari)

Dua dalil di atas dengan jelas menyebutkan bahawa perkara ghaib adalah di bawah pengetahuan Allah S.W.T semata-mata. Ini menunjukkan bahawa tidak ada makhluk yang mengetahuinya dan mendahului kekuasaan Allah S.W.T. Manusia hanya boleh berusaha dan berikhtiar namun masih tidak boleh luar daripada kerangka syarak. Mempercayai bahawa mandi di perigi nenek kebayan boleh mendapat zuriat bukan hanya ikhtiar, bahkan lebih jauh dari itu mempercayai bahawa makhluk atau benda menjangkui kekuasaan Allah S.W.T. ianya tidak sama dengan perawatan moden yang dibuktikan dengan ilmu sains kesihatan untuk mendapatkan zuriat. Keterbuktian dalam sains kesihatan tidak menjelaskan akidah, akan tetapi mempercayai perigi nenek kebayan boleh mendapatkan zuriat adalah bercanggah dengan akidah Islam sebenar.

### **3.4 Amalan khurafat yang keempat**

#### **Jadual 5.**

#### **Distribusi amalan membayar niat, nazar dan membuang ancak dalam kalangan responden**

Membayar niat, nazar dan membuang ancak	N	Peratusan (%)
Pernah melakukan	7	10
Tidak pernah melakukan	63	90
<b>Jumlah</b>	<b>70</b>	<b>100</b>

Berdasarkan kepada jadual 5. di atas, hasil dapatan kajian mendapati bahawa seramai 7 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 10% dalam kalangan responden pernah melakukan amalan membayar niat, nazar dan membuang ancak di Pulau Besar Melaka. Manakala selebihnya iaitu seramai 63 orang (lelaki dan perempuan) mewakili 90% dalam kalangan responden tidak pernah melakukan amalan membayar niat, nazar dan membuang ancak.

Niat dan nazar pada perkara yang haram dan menyeleweng akidah tidak dibenarkan di dalam Islam. Umpamanya bernazar untuk makan ular hidup-hidup sekiranya tercapai sesuatu hajat. Apatah lagi sekiranya bernazar untuk mandi, atau bertapa di Pulau Besar dalam tempoh-tempoh tertentu. Paling popular satu masa dahulu ialah menyembelih haiwan seperti kerbau kerana hajat dikabulkan dan dihanyutkan kepala kerbau tersebut ke dalam laut di Pulau Besar Melaka untuk persembahan kepada penunggu atau dewa-dewa laut. Begitu juga dengan ancak. Bekas atau talam yang diisi dengan pelbagai makanan seperti buah, sirih, telur ayam kampung, ayam hitam dan pulut kuning untuk makanan hantu. Ini adalah kefahaman yang salah dan menyeleweng daripada akidah Islam yang sebenar.

## Perbincangan

Islam hanya mengajarkan penganutnya menyembah kepada Allah S.W.T yang esa. Tidak ada tuhan yang kedua (berhala) atau penyembah Iblis dan syaitan. Firman Allah S.W.T;

أَلَمْ أَعْهُدْ إِلَيْكُمْ يَا بَنِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا الشَّيْطَانَ إِنَّهُ لَكُمْ عَذُوٌ مُّبِينٌ

Maksudnya;

*“Bukankah Aku telah memerintahkan kepadamu wahai anak cucu Adam, agar kamu tidak menyembah syaitan? Sesungguhnya, syaitan itu musuh yang nyata bagi kamu”*

(Surah Yasin, 36:60)

Telah diperingatkan kepada sekalian manusia agar berhati-hati dengan helah dan tipu daya syaitan. Ini kerana syaitan dan Iblis mahu menyesatkan manusia agar beribadah dan menyembah mereka (Iblis dan syaitan). Menyekutukan Allah tidak akan mendapat pengampunan, tidak diterima amalan dan akan dicampakkan ke dalam neraka kelak bersama dengan Iblis dan syaitan. Ini bertepatan dengan maksud firman Allah S.W.T di dalam surah An-Nisa' ayat 48 yang membawa maksud "Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana memperseketukan-Nya (syirik) dan Dia mengampuni apa (dosa) selain (syirik) itu bagi sesiapa yang Dia kehendaki. Barang siapa memperseketukan Allah, maka sesungguhnya, dia telah melakukan dosa besar."

Pengkaji mendapati bahawa akidah orang yang beramal dengan nazar yang salah, niat yang terpesong dan membuang ancak ini telah rosak dan terjerumus ke dalam tipu daya Iblis dan syaitan. Justeru itu, pengamalnya perlulah kembali kepada ajaran Islam dengan bertaubat sebelum mati. Syirik kepada Allah S.W.T membuatkan seseorang itu telah terkeluar (murtad) daripada ajaran Islam. Dosa syirik tidak akan mendapat pengampunan daripada Allah S.W.T. dan akan dicampakkan ke dalam neraka Jahannam di akhirat kelak.

### 3.5 Metode pengurusan pencegahan amalan khurafat

Pengkaji mendapatai bahawa amalan khurafat semakin berleluasa sama ada di dalam kehidupan sebenar mahupun di dalam bentuk hiburan (filem dan drama). Justeru itu, terdapat beberapa cadangan daripada pengkaji yang boleh diamalkan untuk membendung gejala khurafat daripada berleluasa antaranya ialah;

1. Memperbanyak aktiviti keagamaan di kawasan yang mempunyai masyarakat Melayu yang berfikiran kuno. Kebiasaanya, amalan dan kepercayaan khurafat akan segar dan diamalkan kembali sekiranya terdapat saranan daripada orang tua-tua.

Kaedah di dalam Islam berbunyi “mencegah lebih baik daripada mengubati” menunjukkan bahawa setiap orang yang beriman perlu menjalankan tugas sebagai pendakwah untuk menyedarkan golongan pelaku khurafat. Ini kerana, pencegahan dapat menyedarkan masyarakat Melayu supaya tidak terlibat dengan dosa besar. Ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T;

كُنْتُمْ خَيْرَ أَمَّةٍ أَخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمِرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya;

*“Kamu adalah sebaik-baik ummat yang dikeluarkan bagi manusia, menyuruh (mereka) melakukan perkara yang makruf (baik) dan mencegah (mereka) daripada melakukan mungkar (kejahatan) dan beriman kepada Allah”*

(Surah Ali Imran, 3:110)

2. Menerangkan tentang hukum mempercayai amalan dan kepercayaan khurafat kepada masyarakat setempat.

Hanya pihak yang berkuasa seperti Jabatan Agama Islam Negeri atau Jabatan Mufti Negeri layak untuk mengeluarkan hukum dan menyatakan impak amalan dan kepercayaan khurafat terhadap masyarakat setempat. Ini kerana mufti di sesebuah negeri telah diberi amanah untuk menerangkan hukum dan melaksanakan hukuman sekiranya ingkar terhadap fatwa yang telah ditetapkan. Firman Allah S.W.T;

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعُدْلِ

Maksudnya;

*“Dan apabila kamu berhukum di antara manusia hendaklah kamu menjatuhkan hukum dengan adil”*

(Surah An-Nisa', 4:58)

Berpandukan fatwa adalah solusi terbaik untuk memahami agama Islam. Tanpa fatwa masyarakat akan hanyut dan rosak di dalam tipu daya syaitan dengan pelbagai petua, adat resam dan pantang larang yang tidak jelas berdasarkan amalan orang-orang terdahulu.

3. Menyedarkan masyarakat Melayu bahawa tidak semua petua, adat resam dan pantang larang yang diamalkan berlandaskan syariat.

Sifat semulajadi manusia suka mengikut dan meniru sesuatu perkara yang dirasakan sesuai dengan kehendak dan hawa nafsu. Pelbagai amalan dan kepercayaan akan dituruti tanpa disuruh. Tidak pula berusaha untuk mencari tahu daripada mana asalnya sesuatu amalan dan kepercayaan asalkan apa yang dibuat mujarab. Hal ini sangat membimbangkan kerana Islam yang dianut oleh masyarakat Melayu telah bercampur aduk dengan pelbagai amalan dan kepercayaan yang tidak berlandaskan syariat Islam yang sebenar. Sabda Nabi Muhammad S.A.W mafhumnya;

*“Sungguh kalian akan mengikuti jalan orang-orang sebelum kalian sehingga demikian sehingga dan sejuga demikian sejuga sampailah ketika itu di mana orang-orang yang kalian ikuti itu masuk ke lubang dhob (biawak pasir), pasti kalian pun akan mengikutinya.” Kami (para sahabat) berkata, “Wahai Rasulullah, apakah yang diikuti itu adalah Yahudi dan Nasrani?” Beliau menjawab, “Lantas siapa lagi?”*

(Riwayat Muslim, 2669)

Tidak menjadi masalah sekiranya beramal dengan budaya seperti makan di meja, guna sudu dan garfu daripada menggunakan tangan kosong ketika makan, memakai pakaian yang melambangkan budaya dan keturunan masing-masing. Akan tetapi, perkara berkaitan akidah tidak boleh dipertimbangkan. Ini kerana melibatkan keyakinan dari dalam diri terhadap sesuatu agama yang dianut. Kemungkinan terdapat agama lain yang membenarkan penganutnya bebas beramal dengan apa sahaja amalan lain selain daripada apa yang diajarkan oleh agamanya. Namun Islam tidak membenarkan itu berlaku terhadap penganutnya.

4. Risalah yang perlu disebarluaskan kepada masyarakat Melayu berkaitan keburukan mengamalkan amalan khurafat

Sudah menjadi kebiasaan di dalam kalangan masyarakat bahawa peringatan perlulah diberikan secara kerap. Ini kerana kesilapan sering terjadi dalam kalangan manusia. Justeru itu, peringatan yang meluas dan kerap perlulah diberikan kepada masyarakat agar sedar dan berusaha menghindari perkara yang ditegah di dalam agama Islam. Firman Allah S.W.T di dalam Al-Quran;

مَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ ۖ وَجَادِلُهُمْ بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۖ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ

Maksudnya;

*“Serulah (manusia) ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk”*

(Surah An-Nahl, 16:125)

Perkara ini sangat penting. Ianya melibatkan hala tuju tauhid, akidah, kepercayaan dan keimanan seseorang. Tersilap dalam akidah akan membawa seseorang itu terjerumus ke dalam dosa dan lembah maksiat.

5. Penerimaan masyarakat setempat berkaitan kepercayaan terhadap bomoh, pawang dan dukun mesti dihapuskan.


Sudah tiba masanya masyarakat perlu menjauhi tukang ramal dan tukang tilik sama ada menggunakan perkakasan seperti geluk jampi, kalendar atau tarikh-tarikh tertentu, melihat bintang dan sebagainya. Ini kerana ramalan tidak mendatangkan apa-apa faedah terhadap orang yang beriman bahkan mempercayai ramalan membawa kesyirikan kepada Allah S.W.T. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

*“Dia mengetahui yang ghaib, tetapi Dia tidak memperlihatkan kepada sesiapa pun tentang yang ghaib itu. Kecuali kepada rasul yang direháiNya, maka sesungguhnya Dia tempatkan penjaga-penjaga (malaikat) di depan dan di belakangnya. Supaya Dia mengetahui bahawa rasul-rasul itu telah menyampaikan risalahNya sementara (ilmu-Nya) meliputi apa yang ada pada mereka dan Dia menghitung segala sesuatu satu per satu”*

(Surah Al-Jinn, 72:26-28)


Perkara ghaib tidak ada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Allah. Justeru itu, mempercayai bomoh adalah ibarat omongan kosong. Hanya untuk menyedapkan hati pendengar sedangkan bomoh tidak mengetahui apa-apa pun perihal alam ghaib.

#### 4 Kesimpulan



**Jadual 6.0 Kerangka Konsep Iman**

Berdasarkan kepada jadual di atas, jelas menunjukkan bahawa iman boleh menyelamatkan seseorang daripada kesesatan. Dengan berteraskan kepada iman yang benar, seseorang hamba itu dapat menarik nafsunya yang pada asalnya cenderung kepada melakukan maksiat terdidik dan digilap oleh akal yang waras supaya menurut kata hati yang dekat dengan Allah dan begitulah sebaliknya. Justeru itu pengkaji dapat mengeluarkan teori kajian khurafat adalah seperti berikut:



**Jadual 7. Teori Kajian Khurafat (Parameter tahap keimanan)**

Setiap manusia yang hidup di dunia bermula dengan titik tengah X. Apabila iman seseorang meningkat (berada pada titik Y) maka individu tersebut akan jauh daripada kekuferan dan dekat dengan keimanan, dalam erti kata lain imannya meningkat dan dekat kepada Allah. Begitu juga sebaliknya jika iman seseorang itu berada pada titik Z, maka individu tersebut akan dekat kepada kekuferan (Iblis dan syaitan) dan jauh daripada keimanan. Ini bertepatan dengan mafhum Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud “Iman itu bertambah dan berkurang”

Allah milarang amalan khurafat diamalkan berteraskan daripada firmanNya yang bermaksud;

*“Wahai orang-orang yang beriman! masuklah ke dalam Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu ikut langkah-langkah syaitan, Sesungguhnya, dia adalah musuh yang nyata bagimu”.*

(Surah Al-Baqarah, 2:208)

Pengkaji berpendapat bahawa amalan khurafat sewajarnya dihentikan serta merta dan tidak diamalkan lagi pada masa akan datang. Amalan khurafat merosakkan akidah dan menjadikan pengamalnya taksub dengan musuh Allah S.W.T (Iblis dan syaitan). Pengamal khurafat melakukan dosa besar dan diganjarkan neraka di akhirat kelak sekiranya tidak bertaubat sebelum mati. Justeru itu, pengkaji menyatakan bahawa amalan meminta hajat di kubur lama, mandi di laut untuk buang sial, meminum air di perigi nenek kebayan untuk mendapatkan zuriat serta membayar niat, nazar dan membuang ancak termasuk di dalam amalan khurafat yang telah ditegah di dalam Islam.

### 3. Rujukan

- al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam*, Hussamuddin Yaacub, (2016), Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Ab Rahman, D. A., Kanan, P., & Undang-Undang, F. S. D. Kedudukan Amalan Khurafat Di Pulau Besar, Melaka.
- Akhyar, A. (2010). Khurafat Alam Melayu. Pustaka Azhar.
- Chua, C. (2004, July). Perception of quality in higher education. In *Proceedings of the Australian universities quality forum* (pp. 1-7). Melbourne: AUQA Occasional Publication.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2005). Mixed methods research: Developments, debates, and dilemmas. *Research in organizations: Foundations and methods of inquiry*, 2, 315-326.
- Hornby, A. S., & Omar, A. H. (2007). *Oxford Compact Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Oxford Fajar.
- Keempat, K. D. E. (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khan, M. M. (1986). Sahih Bukhari. Peace Vision.
- Masruri, M., Mustapha, A. S., & Khalim, M. A. (2023). The Potential of The Big Island of Melaka and the Tomb of Sultan al-Arifin Sheikh Ismail as a Visitor-Friendly Religious Tourism Destination: Potensi Pulau Besar Melaka dan Makam Sultan al-Arifin Sheikh Ismail sebagai Destinasi Pelancongan Keagamaan Mesra Pengunjung. *Sains Insani*, 8(2), 208-216.
- Salleh, M. K. M., Manaf, M. F. A., & Kamaruzaman, M. A. S. (2021). Unsur Khurafat Dalam Ajaran Sesat Di Malaysia: Analisis Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 144-157.
- Saleh, R. R. B. H. M. Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Siddiqui, A. H. (1976). *Sahih Muslim*. Peace Vision.
- Zabidi, Z. (2020). *Khurafat, tahiul & mistik di alam Melayu*. PTS Publishing House Sdn. Bhd.